

Pelancong

U.M 11/12/07 M/S 5

Oleh SUHANA ABDUL MUTALIB

KERAJAAN negeri Selangor telah mewujudkan beberapa kawasan pertumbuhan baru yang bukan sahaja berfungsi sebagai agen pelaburan tetapi turut memainkan peranan sebagai pusat pelancongan negeri.

Satu daripadanya ialah Wilayah Pembangunan Lembah Klang Dua (WLK2) yang meliputi daerah Sepang dan daerah Kuala Langat.

Dengan kawasan seluas hampir 142,000 hektar, ia telah dikenal pasti sebagai pembahagian daripada Konurbasi Pertumbuhan Nasional yang dicadangkan sebagai zon pertumbuhan Nasional.

Fokus utama pembangunan di WLK2 adalah berdasarkan kepada beberapa pemangkin utama iaitu pembangunan ICT dan penyelidikan, pembangunan industri aeronautikal, industri pelancongan dan pendidikan bertaraf antarabangsa serta kawasan perumahan.

Pada dasarnya, WLK2 mempunyai tiga misi, iaitu menjana pertumbuhan kepada wilayah di sekitarnya, menjadi pintu masuk kepada kerancakan perniagaan dalam dan luar negara serta menjadi pilihan lokasi firma dan pejabat wilayah perbadanan antarabangsa berteraskan ICT dan perumahan.

Pelaksanaan WLK2 akan diperhalusi imej dan identitinya melalui satu pelan tindakan khusus bagi menonjolkan aspek kualiti dan kelainan daripada pembangunan Lembah Klang sedia ada.

Contohnya, pembangunan pejalan kaki mesra alam, kemudahan kawasan hijau, kewujudan taman awam yang dominan, kemudahan riadah untuk kesihatan dan sukan serta pengangkutan awam yang cekap.

Selain itu, indikator-indikator pembangunan dan pelaksanaan WLK2 juga akan diambil kira bagi menggambarkan ciri-ciri sosio ekonomi dan pembangunan fizikal berkaitan dengan inisiatif yang telah digariskan.

WLK2 ini akan dibangunkan dengan dua komponen utama iaitu kawasan perindustrian yang dikenali sebagai Taman Sains Selangor 2 (SSP2) manakala zon perumahan pula dinamakan sebagai Canal City yang turut melibatkan projek tebatan banjir serta Sepang Gold Coast.

SSP2 yang akan dibangunkan di Kawasan Perindustrian Bukit Baja,

Sepang akan menjadi satu lagi tarikan untuk pelabur asing dan pelancong ke Selangor.

Kawasan perindustrian seluas 400 hektar itu akan menumpukan kepada industri berteknologi tinggi dan pembangunan infrastrukturnya dijangka akan siap dalam tempoh pertengahan tahun hadapan.

Ya merangkumi tiga fasa iaitu fasa pertama akan tertumpu kepada pembangunan industri dan selebihnya kepada kawasan perumahan dan komersial.

Kawasan itu mempunyai kelebihan kepada pelabur kerana ia terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta kawasan pelabuhan yang akan memudahkan pergerakan keluar masuk aktiviti perindustrian.

Pembangunan Taman Sains 2 itu dengan kos pelaburan RM270 juta termasuk pembinaan persimpangan bertingkat akan dilaksanakan oleh anak syarikat kerajaan Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang sebelum ini turut memajukan Taman Sains 1.

Pembangunan bandar baru Canal City pula dirancang bagi membolehkan kawasan ini membangun dan membentuk satu persekitaran kejiranan yang lengkap dengan ciri-ciri seni bandar yang menarik.

Melalui gabungan pembangunan keseluruhan kawasan ini mampu mewujudkan pusat kejiranan baru yang sempurna dari segi kemudahan awam, sosial, perdagangan dan rekreasi.

Pembangunan yang menyeluruh bagi kawasan ini juga mengambil kira faktor 'self contained' yang membolehkan kawasan ini berdaya maju dan dapat berkembang selaras dengan pembangunan sedia ada di kawasan persekitarannya.

Difahamkan, pembangunan Canal City ini akan dilaksanakan mengikut fasa iaitu 500 ekar bagi setiap fasa yang keseluruhannya seluas 4,000 ekar.

Satu lagi produk pelancongan di Selangor yang ketika ini sedang dalam proses pembinaan ialah pembinaan Sepang Gold Coast yang terletak di Pantai Bagan Lalang, Sepang yang mana ia dimulakan sejak tahun 2003 lagi.

Dengan membabitkan kawasan seluas 4,621 ekar, projek ini dijalankan secara kerjasama syarikat swasta dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang mana sehingga kini kira-kira 65 peratus kerja penanaman cerucuk telah

an tarik pelaburan



SEPANG Gold Coast satu lagi tarikan pelabur asing dan pelancong ke Selangor.

dilaksanakan.

Tidak ketinggalan, kerajaan negeri turut memberikan fokus kepada sektor pelancongan kesihatan, pendidikan dan alam sekitar dan ia dijangka akan diteruskan untuk tahun-tahun akan datang.

Pada tahun 2006, kerajaan negeri telah berjaya mensasarkan empat juta pelancong dan ia nyata lebih berjaya tahun ini apabila jumlah pelancong meningkat sehingga 4.9 juta dan ia sesuatu yang membanggakan.

Tumpuan kerajaan Selangor ketika ini ialah kepada 10 pasaran asing yang mencatatkan bilangan ketibaan pelancong tertinggi iaitu Singapura, China, Indonesia dan Timur Tengah.

Selain itu, program 'fam trip' juga didapati berjaya menarik lebih ramai pelancong datang ke Selangor.

Ini ternyata dapat membantu agensi-agensi pelancongan di Selangor untuk menyediakan pakej pelancongan yang berjaya dijual di peringkat antarabangsa.

Bagi yang meminati program 'homestay', kerajaan negeri juga telah menyediakan lokasi-lokasi yang sesuai untuk aktiviti tersebut dan sehingga kini sebanyak 16 buah destinasi telah didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan.

Daripada 16 buah kampung itu, seramai

460 orang penduduk kampung terlibat dengan program ini dan jumlah kedatangan pelancong pula menunjukkan sejumlah 9,477 pelancong menyertai aktiviti homestay ini pada tahun 2006.

Oleh itu, kerajaan negeri sedang menjalankan promosi bagi membantu pengusaha di kampung-kampung itu meningkatkan kedatangan pelancong dan ini juga dapat membantu pengusaha-pengusaha homestay menambah pendapatan.

Salah satu homestay yang terkenal ialah Kampung Ulu Chuchoh yang memenangi pelbagai anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan termasuk Ilham Desa 2005.

Setiap tahun, homestay di Banguris didatangi antara 5,000 hingga 6,000 pelancong dari merata negara termasuk Amerika, Afrika dan Jepun.

Kekerapan kedatangan pelancong menyebabkan projek homestay ini mendatangkan pendapatan sampingan kepada penduduk kampung antara RM600 hingga RM700 setiap bulan.

Satu lagi lokasi pelancongan yang tidak pernah susut menerima kunjungan pelancong sejak ditemui pada tahun 1970-an ialah Kampung Kuantan, desa yang tersorok kira-kira 10 kilometer dari Kuala Selangor. Namun, nama kampung yang hanya

dihiasi rumah-rumah usang dan sederhana itu menjadi sebutan manusia melalui penemuan kelip-kelip, serangga keramat yang sejak bertahun-tahun lalu berjaya menggamit ratusan ribu pelawat dari merata pelusuk di muka bumi ini.

Kini seluruh dunia mengetahui Kampung Kuantan mempunyai koloni kelip-kelip yang terbesar di muka bumi.

Tidaklah hairan mengapa kawasan itu dibanjiri pelawat dari dalam dan luar negara termasuk Jepun, Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Kawasan kelip-kelip itu terletak di tebing Sungai Selangor serta dikelilingi ladang buah-buahan, kelapa sawit dan alam semulajadi itu menerima kunjungan 4,500 pelawat setiap bulan.

Untuk menjayakan usaha menjadikan pelancongan pendidikan lebih maju, promosi dan kerjasama dengan negara-negara jiran juga akan dipertingkatkan.

Ini bagi menggalakkan lebih ramai pelajar dari negara luar datang melanjutkan pelajaran di Selangor.

Selangor juga sedang berusaha membangunkan produk pelancongan baru, menaik taraf dan menambah nilai produk sedia ada untuk menepati kehendak dan keperluan pelancong antarabangsa dan tempatan.